

18 JUN 1998

Umno-Mahathir

KESTABILAN UMNO BENTENG HADAPI SERANGAN LUAR

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kestabilan UMNO menjadi benteng dalam menghadapi serangan pihak-pihak luar yang bermotifkan ekonomi.

Beliau berkata dalam kegawatan ekonomi sekarang, UMNO dapat berbangga kerana ia tetap kukuh dan padu menyebabkan tiada pihak dapat menggugatnya.

"Maka di sinilah perlunya persefahaman di kalangan semua ahli parti dalam membina sebuah pertubuhan yang kuat dan tidak mudah digoncang.

"Amalan demokrasinya hendaklah bersesuaian dengan keperluan ini, seperti juga usaha-usaha menghapuskan politik wang dan kempen yang berlarutan," kata Presiden UMNO itu dalam perutusan untuk buku penyata tahunan 1997-1998 yang dikeluarkan sempena Perhimpunan Agung UMNO yang bermula esok.

Menurutnya, ketahanan UMNO dalam mengharungi pelbagai peristiwa, ujian dan cabaran yang pahit adalah kerana ia merupakan parti yang sangat prihatin terhadap masalah rakyat dan bertindak segera mengatasi kepincangan-kepincangan yang berlaku.

Perdana Menteri berkata kegawatan ekonomi yang berterusan seperti yang menimpa negara lain adalah mendukacitakan.

"Antara kesannya ialah penggugatan terhadap pemerintahan selain berlaku penghijrahan penduduk ke negara-negara berdekatan. Kita bernasib baik kerana tidak mengalami musibah ini," kata Dr Mahathir yang akan merasmikan perhimpunan agung selama tiga hari itu.

Seramai 1,907 orang perwakilan akan menghadiri perhimpunan itu yang dijangka menumpukan kepada soal kegawatan ekonomi yang telah melanda negara sejak pertengahan tahun lepas.

Setiausaha Agung UMNO Datuk Sabbaruddin Chik berkata bahagian-bahagian dan Badan-badan Perhubungan UMNO digalakkan mengadakan kursus untuk meningkatkan pemahaman ahli terhadap dasar perjuangan parti dan cara pentadbirannya yang berkesan.

"Kursus-kursus ini dengan perbelanjaan yang minimum dapat mendatangkan manfaat yang banyak berbanding dengan perjumpaan atau majlis-majlis yang diadakan semata-mata bagi menaikkan seseorang," katanya dalam buku penyata tahunan itu.

-- BERNAMA

AZZ oba